



Mahathir lawat depot tentera

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) melihat pakaian dan kelengkapan tentera sewaktu melawat Depot Simpanan Perlu Pusat di Batu Kantonmen, Kuala Lumpur semalam.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Pertahanan, menghabiskan masa lebih 4½ jam melawat depot tersebut dan mendengar taklimat mengenai kegiatan dan fungsinya.

Beliau juga melawat Pusat Sistem Komputer Logistik dan mengumumkan Kementerian Pertahanan akan meningkatkan mutu komputer yang ada bagi memenuhi keperluan perkhidmatan logistik.

Datuk Seri Dr. Mahathir diiringi dalam lawatan itu oleh Panglima Tentera Darat, Jen. Tan Sri Zain Hashim. — Gambar Berita Harian oleh F.K. Tham.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2974
No. Penerimaan 719/85